




1. Sebelum mengambil khidmat seorang pembantu rumah asing (FDW)



2. Memohon untuk mengambil khidmat bekerja seorang FDW



Jika anda telah membuat keputusan untuk mengambil khidmat bekerja seorang FDW, maklumat berikut akan membimbing anda bagi apa yang perlu anda lakukan.

A) Menggunakan sebuah agensi pekerjaan (EA)

Pastikan bahawa EA yang anda kunjungi itu berlesen. Semak dengan menggunakan direktori EA (www.mom.gov.sg/eadirectory), yang turut mengandungi maklumat mengenai rekod pencapaian EA tersebut dan butiran hubungannya.

Anda harus semak dengan agensi mengenai bayaran kerana ia bergantung kepada barisan perkhidmatan yang diberikan. Bayaran biasanya termasuk yang berikut:

⚠

- **Bayaran agensi** (setiap agensi boleh mengenakan bayaran yang berlainan)
- **Program Penyesuaian** sekiranya FDW anda bekerja di sini untuk pertama kali (\$75)
- **Perohonan permit kerja** (\$30 bayaran pentadbiran)
- **Pengeluaran permit kerja** (\$30 bayaran pentadbiran)
- **Levi FDW** (\$265 sebulan tanpa konsesi; \$60 dengan konsesi)
- **Deposit jaminan sebanyak \$5,000** bon dalam bentuk insurans atau jaminan jurubank
- **Insurans perubatan** yang memberikan perlindungan sekurang-kurangnya \$15,000
- **Insurans kemalangan diri (PAI)** sekurang-kurangnya \$40,000

Sudahkah anda pertimbangkan yang berikut?

Berapakah kos untuk mengambil khidmat seorang FDW? Selain daripada gaji dan levi beliau, terdapat juga kos-kos untuk makanan, perbelanjaan perubatan, tiket penerbangan pulang dan perbelanjaan lain yang tidak dijangka, contohnya, bayaran yang berkemungkinan mahal jika beliau terpaksa dimasukkan ke rumah sakit.

Adakah terdapat sebuah bilik di rumah anda yang tersedia untuk FDW yang terangkum sebagai tempat tinggal yang wajar? Tempat tinggal harus merangkumi kemudahan asas (tilam, bantal, selimut, dsb.), dan menyediakan ruang yang mencukupi, pengalihudaraan yang baik, keselamatan, privasi dan perlindungan daripada unsur alam (hujan, matahari, dsb.).

Keadaan boleh menjadi tertekan untuk anda dan FDW anda pada beberapa bulan pertama, terutamanya jika ini merupakan kali pertama beliau bekerja di Singapura. Bersabar dan berikan bimbingan yang sesuai. Tiada sesiapa yang terkecuali daripada melakukan kesilapan.



Sebelum anda mengambil khidmat seorang FDW, sudahkah anda pertimbangkan pilihan dan perkhidmatan lain untuk memenuhi keperluan anda?



Jika anda telah membuat keputusan untuk mengambil khidmat bekerja seorang FDW, maklumat berikut akan membimbing anda bagi apa yang perlu anda lakukan.

A) Menggunakan sebuah agensi pekerjaan (EA)

Pastikan bahawa EA yang anda kunjungi itu berlesen. Semak dengan menggunakan direktori EA (www.mom.gov.sg/eadirectory), yang turut mengandungi maklumat mengenai rekod pencapaian EA tersebut dan butiran hubungannya.

Anda harus semak dengan agensi mengenai bayaran kerana ia bergantung kepada barisan perkhidmatan yang diberikan. Bayaran biasanya termasuk yang berikut:

⚠

- Butiran terperinci bayaran yang akan anda bayar;
- Keadaan di mana anda mungkin layak untuk menerima bayaran balik dan jangka tempoh bayaran balik itu perlu diberikan;
- Jumlah penggantian FDW yang anda layak terima dan tindakan yang boleh anda ambil sekiranya agensi anda tidak dapat mencari pengganti FDW; dan
- Bagaimana pertikaian berkaitan perkhidmatan antara anda dan agensi akan ditangani.

Tandatangan persetujuan keselamatan yang disediakan oleh agensi pekerjaan anda. Ini akan memastikan bahawa kedua-dua anda dan FDW and a sedar, dan memahami, bahawa syarat-syarat MOM apabila melakukan pembersihan bahagian luar tingkap.

Lengkapkan Program Orientasi Majikan (EOP) jika anda seorang majikan kali pertama. Anda boleh memilih untuk melakukannya di dalam talian (online) atau di dalam kelas. Untuk maklumat mengenai penyedia latihan bagi EOP dan bagaimana untuk mendaftar, sila layari:

www.mom.gov.sg/eop

Tubuhkan akaun arahan berulang umum antara bank (GIRO) untuk potongan levi bulanan oleh Kementerian Tenaga Manusia (MOM). Anda harus mengekalkan dana yang mencukupi di dalam akaun GIRO anda untuk potongan ini atau MOM akan menarik balik permit kerja FDW anda.

Pastikan FDW anda telah menjalani pemeriksaan perubatan sebelum diambil bekerja.

Untuk memilih FDW yang sesuai, yang dapat memenuhi keperluan anda, semak biodata standard dan sejarah pekerjaannya yang harus diberikan kepada anda oleh agensi.

Minta untuk menemubual (secara bersemuka atau melalui panggilan telefon luar negara) FDW itu untuk mengenalinya dengan lebih dekat sebelum anda membuat keputusan untuk mengambilnya untuk bekerja dengan anda.

Pastikan bahawa perkara-perkara penting berikut ini harus disertakan dalam persetujuan perkhidmatan yang anda tandatangani dengan agensi. Ia adalah:

⚠

- Butiran terperinci bayaran yang akan anda bayar;
- Keadaan di mana anda mungkin layak untuk menerima bayaran balik dan jangka tempoh bayaran balik itu perlu diberikan;
- Jumlah penggantian FDW yang anda layak terima dan tindakan yang boleh anda ambil sekiranya agensi anda tidak dapat mencari pengganti FDW; dan
- Bagaimana pertikaian berkaitan perkhidmatan antara anda dan agensi akan ditangani.

B) Prosedur Permohonan



Sekiranya anda sedang memohon untuk mengambil khidmat seorang FDW, anda perlu melakukan yang berikut.

Tandatangan persetujuan keselamatan yang disediakan oleh agensi pekerjaan anda. Ini akan memastikan bahawa kedua-dua anda dan FDW and a sedar, dan memahami, bahawa syarat-syarat MOM apabila melakukan pembersihan bahagian luar tingkap.

Lengkapkan Program Orientasi Majikan (EOP) jika anda seorang majikan kali pertama. Anda boleh memilih untuk melakukannya di dalam talian (online) atau di dalam kelas. Untuk maklumat mengenai penyedia latihan bagi EOP dan bagaimana untuk mendaftar, sila layari:

www.mom.gov.sg/eop

Tubuhkan akaun arahan berulang umum antara bank (GIRO) untuk potongan levi bulanan oleh Kementerian Tenaga Manusia (MOM). Anda harus mengekalkan dana yang mencukupi di dalam akaun GIRO anda untuk potongan ini atau MOM akan menarik balik permit kerja FDW anda.

Pastikan FDW anda telah menjalani pemeriksaan perubatan sebelum diambil bekerja.



Pautan berguna



Risalah ini menyediakan maklumat penting mengenai pengambilan kerja seorang FDW dan bukan dimaksudkan lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila layari lelaman web berikut.

Kementerian Tenaga Manusia
<http://www.mom.gov.sg>

Syarat-syarat untuk Majikan
www.mom.gov.sg/fdw-employer

- Menyediakan maklumat mengenai syarat dan peraturan yang anda perlu penuhi sekiranya anda ingin mengambil seorang FDW bekerja.

Direktori Agensi Pekerjaan
<http://www.mom.gov.sg/eadirectory>

- Satu perkhidmatan elektronik (e-service) membenarkan anda untuk mencari semua agensi pekerjaan berlesen.

Hari Rehat Mingguan FDW:
Satu Panduan untuk Majikan
<http://www.mom.gov.sg/restdayguide>

- Satu penerbitan untuk membimbing anda mengenai butiran syarat-syarat hari rehat mingguan.

Langganan INFOCUS
www.mom.gov.sg/subscribe

- Laman langganan untuk surat berita dalam talian INFOCUS jika anda ingin maklumat terkini mengenai pengumuman terbaru bagi isu-isu berkaitan FDW.

Penerbitan Dalam Talian bagi Majikan FDW
www.mom.gov.sg/fdw-employer-resources

- Satu senarai penerbitan yang disasarkan kepada majikan FDW, termasuk buku panduan majikan FDW, risalah keselamatan, terbitan-terbitan INFOCUS yang lalu, dan sebagainya.

Persatuan Agensi Pekerjaan (Singapura)
<http://www.aeas.org.sg>

Tribunal Tuntutan Kecil – Mahkamah Negara Singapura
<https://www.statecourts.gov.sg/SmallClaims/Pages/LodgingClaim.aspx>


- Menangani pertikaian yang anda mungkin hadapi dengan agensi pekerjaan anda.

Senarai Semak

Menggajikan Pembantu Rumah Asing?

C) Memilih seorang pekerja pembantu asing

Apabila memilih seorang FDW, ingatlah yang berikut ini:



Pastikan bahawa beliau berasal daripada negara yang diluluskan oleh MOM, berusia sekurang-kurangnya 23 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya lapan tahun pendidikan rasmi. Untuk maklumat lanjut mengenai peraturan, sila layari:

<http://www.mom.gov.sg/fdw-requirements>


Sila ambil perhatian mengenai sebarang peraturan yang dikenakan oleh negara asal beliau (jika berkenaan). Peraturan-peraturan ini telah ditetapkan oleh pemerintah luar negara. Anda mungkin ingin menghubungi kedutaan yang relevan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Salah satu sebab utama mengapa hubungan di antara majikan dan FDW rosak adalah kerana disebabkan oleh isu-isu komunikasi. Pastikan anda memilih seorang FDW yang boleh memahami bahasa yang anda gunakan.

Jika anda mempunyai sebarang keperluan khas bagi FDW anda, lakukanlah temubual secara bersemuka dengannya supaya anda dapat mengenalinya dan menilai sekiranya beliau mempunyai kemahiran dan pengalaman yang relevan sebelum anda membuat keputusan untuk mengambilnya bekerja dengan anda.

Pastikan bahawa FDW membawa sijil-sijil pendidikan yang perlu sebagai bukti pendidikannya. Jika tidak, beliau tidak akan dibenarkan untuk menghadiri Program Penyesuaian (SIP) yang mana perlu untuk pengeluaran permit kerja.

3. Mengetahui tanggungjawab anda sebagai majikan



Mengambil seorang FDW bekerja adalah sebuah tanggungjawab besar. Bahagian ini akan membantu anda untuk memahami dengan lebih baik apakah tanggungjawab-tanggungjawab itu.



Anda perlu melakukan yang berikut:

- FDW anda mesti memenuhi syarat-syarat tertentu. Ini termasuk:
 - Menghadiri Program Penyesuaian (SIP) dalam masa tiga hari bekerja sejurus selepas tiba di Singapura (jika ini adalah kali pertama beliau bekerja di sini);
 - Lulus pemeriksaan kesihatan oleh seorang doktor berdaftar Singapura dan kemukakan permintaan kepada MOM untuk mendapatkan permit kerja yang harus dikeluarkan dalam masa 14 hari kalender selepas ketibaannya; dan
 - Mendaftarkan untuk pengambilan cap jari dan gambar beliau di Pusat Perkhidmatan MOM – Dewan C dalam masa 7 hari kalender selepas permit kerjanya dikeluarkan.

Lakarkan sebuah kontrak pekerjaan bersama FDW anda yang menetapkan terma dan syarat pekerjaan seperti gaji, hari rehat, tugas dan notis yang diperlukan untuk menamatkan kontrak, untuk mengelakkan salah faham.

Butirkan aturan hari rehat di dalam kontrak pekerjaan dengan FDW anda. Beliau berhak untuk menerima hari rehat mingguan atau bayaran pampasan sebagai ganti. Sekiranya anda ingin menukar aturan hari rehat, anda perlu melakukannya secara bertulis untuk mengelakkan salah faham dan pertikaian.

Bawa FDW anda untuk menjalani pemeriksaan perubatan setiap enam bulan. Jika tidak, MOM akan menarik balik permit kerjanya.

Simpan catatan yang sempurna bagi gaji bulanan yang anda bayar kepada FDW anda. Ini melibatkan catatan jumlah dan tarikh gaji itu dibayar. Harus terdapat pengakuan oleh anda dan FDW anda di dalam catatan itu.

Anda harus membernarkan FDW anda untuk menguruskan sendiri gajinya. Sesetengah FDW bersetuju supaya majikan mereka menyimpan gaji mereka supaya selamat. Ini bukanlah satu idea yang bagus kerana ia mungkin akan menimbulkan salah faham sekiranya hubungan pekerjaan anda berubah menjadi buruk atau apabila anda atau FDW anda memutuskan untuk menamatkan hubungan pekerjaan lebih awal.

Sebagai satu amalan yang baik, anda patut membawa FDW anda untuk membuka akaun bank tempatan supaya anda boleh membayar gaji setiap bulan secara langsung ke dalam akaun itu. Cari bank yang menawarkan akaun untuk FDW tanpa baki minimum (contohnya, bank-bank DBS/POSB mempunyai skim yang digelar ‘Akaun Simpanan FDW POSB untuk Pekerja Pembantu Asing (FDW)’ yang membernarkan FDW anda untuk membuka akaun baru tanpa dikenakan deposit permulaan dan baki minimum).

Anda harus menjaga kesejahteraan FDW anda.

Untuk memastikan keselamatan FDW anda, berikannya arahan yang jelas mengenai perkara yang harus dilakukannya dan apa yang tidak sepatutnya dilakukan.

- !** Jika rumah anda terletak di atas paras bumi dan anda perlu meminta FDW anda untuk membersihkan bahagian luar tingkap, anda mesti pastikan bahawa jerji tingkap telah dipasang dan dikunci, dan anda atau seorang dewasa yang lain hadir untuk menyelia FDW anda. FDW anda tidak boleh membersihkan bahagian luar tingkap jika jerji tingkap tidak dipasang.

Jika FDW anda hilang dan anda telah berusaha secukupnya untuk mencarinya, anda boleh kehilangan sebahagian dariapada bon jaminan. Anda harus melaporkan kepada polis dan membatalkan permit kerja FDW anda dalam tempoh tujuh hari. Jika anda tidak melakukan ini, anda mungkin akan kehilangan keseluruhan bon jaminan.

Anda perlu membayar untuk menghantar FDW anda pulang ke negara asalnya apabila beliau tamat tempoh pekerjaannya bersama anda.



MAKLUMAT HUBUNGAN BERGUNA

Pertanyaan umum (MOM)

6438 5122

Membatalkan permit kerja

Maklumat MOM tentang sebarang perubaha

- Anda perlu memaklumkan MOM tentang sebarang perubahan semasa tempoh pekerjaan FDW anda, termasuk perubahan alamat kediaman dan butiran pasport pekerja, kehamilan pekerja, pekerja yang hilang atau kematian pekerja.

<http://www.mom.gov.sg/notify-about-fdw>



MINISTRY OF
MANPOWER

